

Sekretariat Rakan Muda UMS berkongsi ilmu ke SMK Matang Jaya Kuching

48 19-4-16 82

KUCHING: Satu program Jelajah dan Perkongsian Ilmu Negeri Sarawak telah dilaksanakan di Sekolah Menengah Matang Jaya (SMKMJ), di sini baru-baru ini.

Seramai 40 pelajar dari SMKMJ menyertai program itu dan dikendalikan oleh 20 pelajar dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas).

Antara yang disediakan ialah aktiviti berkumpulan, memperkenalkan UMS dan Unimas sekaligus membantu pelajar dalam menyerlahkan potensi setiap individu dengan

meraikan kepelbagaian dan kelainan masing-masing. Majlis penutupan itu telah disempurnakan oleh Ustaz Ahmad Hazmullah Mohd Azmi, Penolong Kanan HEP SMKMJ.

Jelajah itu juga telah berkunjung ke Kementerian Belia dan Sukan Negeri Sarawak. Lawatan telah diketuai oleh Norhana Nordin selaku Penyelaras Sekretariat Rakan Muda UMS. Kunjungan itu telah disambut mesra oleh Pengarah KBS Negeri Sarawak Haji Abdul Haris Ishak.

Pihak SRMUMS diberikan penerangan berkenaan program Pembangunan Rakan Muda dan aktiviti yang bakal dilaksanakan oleh pihak kementerian.

Turut hadir, Penolong Pengarah Pembangunan Rakan Muda KBS Negeri Sarawak Hafizah Dahlan.

Sekretariat Rakan Muda mengucapkan setinggi

penghargaan kepada Timbalan Naib Canselor HEPA Prof Madya Dr Ismail Ali dan juga Jabatan HEPA sendiri di atas sokongan padu dan kerjasama dalam menjayakan program itu.

Turut dilawati dalam program itu ialah Unimas, Kampung Budaya Sarawak dan beberapa tempat menarik di Kuching, Sarawak.



MERAKAMKAN gambar kenangan bersama para guru dan pelajar SMK Matang Jaya.



KUNJUNGAN ke Kementerian Belia dan Sukan Negeri Sarawak.